

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HKT 503 – TEORI DAN KRITIKAN SASTERA MUTAKHIR**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada bahagian A dan DUA soalan daripada bahagian B.

### **Bahagian A**

1. Susurgalurkan salah sebuah teori kritikan sastera mandiri yang pernah anda kaji. Kemudian jelaskan secara kritis apakah kelemahan, kekuatan dan sumbangan teori tersebut dalam konteks menganalisis dan menilai karya sastera tempatan.
2. Bincangkan apa yang difahamkan dengan “women centered criticism.” Merujuk kepada *Calon Arang: Kisah Perempuan Korban Patriarki* karya Toeti Heraty, kemukakan bagaimana “women centered criticism” dapat diperlihatkan.
3. Jelaskan maksud teori sastera dengan menyentuh aspek-aspek penting yang lazimnya dibincangkan oleh ahli-ahli teori. Berasaskan psikoanalisis Freud, jelaskan unsur-unsur teori yang sering dibangkitkan dalam perbincangan tentang proses kreatif sesebuah karya.

### **Bahagian B**

4. Apakah yang dimaksudkan dengan pasca-humanisme? Bincangkan kesannya kepada teori dan kritikan sastera mutakhir.
5. Merujuk kepada karya Toni Morrison yang bertajuk *Beloved*, bincangkan bagaimana konsep “revisit the past to tell a story about the present” dikongkritkan oleh pengarang dalam novelnya ini.
6. Merujuk kepada drama *Lantai T.Pinkie* karya A. Samad Said dan *Bumi Manusia* oleh Pramoedya Ananta Toer, bincangkan kedudukan dan peranan Nyai dalam arus kolonialisme.